



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
Aras 12-14, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88400 KOTA KINABALU  
Tel.: 088-368600, 368601

**PAN**  
SABAH

Bil. JPAN: 700-4/1 Jld.6( 28 )

17 Disember 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**ELAUN BAGI PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI YANG MENGIKUT  
LATIHAN AMALI/PRAKTIKAL DI AGENSI KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas. Surat edaran yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia JPA(L)S.175/4/4-2 Klt.4(21) bertarikh 6 September 2019 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju agar pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi yang mengikuti latihan amali/praktikal selama 3 hingga 6 bulan di sektor awam dibayar elaun pelajar seperti berikut:

- (a) Kadar elaun RM5.00 sejam atau tertakluk kepada kemampuan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan;
- (b) Pembayaran elaun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021; dan
- (c) Pembayaran elaun pelajar menggunakan peruntukan kewangan sedia ada di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.

3. Peraturan, syarat dan prosedur pembayaran elaun pelajar adalah seperti berikut:

**3.1 Pengambilan Pelajar**

- (i) Pelajar terdiri dari Warganegara Malaysia sahaja;
- (ii) Pelajar adalah meliputi pelajar yang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di dalam dan luar Negara yang menjalani sesi latihan amali/praktikal di dalam Negara;

2/...

**“SABAH MAJU JAYA”**

**“MEMBASMI DADAH, KEWAJIPAN KITA”**

- (iii) Pelajar boleh memohon kepada mana-mana Kementerian/ Jabatan /Agensi Kerajaan yang bersesuaian; dan
- (iv) Ketua Jabatan boleh mengadakan kaedah pemilihan tertentu seperti temu duga untuk mendapatkan pelajar yang sesuai.

### 3.2 Pengurusan Pelajar

- (i) Pelajar tidak boleh diambil untuk mengisi jawatan kosong, jawatan kenaikan pangkat atau untuk melaksanakan tugas pegawai tetap;
- (ii) Ketua Jabatan hendaklah memastikan seorang atau lebih Pegawai Penyelia di kalangan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang bertanggungjawab ke atas urusan penyeliaan tugas pelajar;
- (iii) Ketua Jabatan hendaklah menyediakan senarai tugas, jadual tugas dan sasaran kerja;
- (iv) Waktu latihan amali/praktikal pelajar adalah menyamai waktu bekerja pegawai awam;
- (v) Pelajar tidak layak mendapat sebarang elaun, kemudahan cuti, rawatan perubatan dan kemudahan lain yang layak diterima oleh pegawai awam;
- (vi) Pelajar boleh dibenarkan bercuti dengan kebenaran tanpa dibayar sebarang elaun;
- (vii) Pelajar tidak layak dibayar elaun pada hari rehat mingguan, kelepasan am atau sekiranya tidak dikehendaki hadir ke pejabat disebabkan oleh perkara yang melibatkan bencana;



- (viii) Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar tidak menandatangani surat rasmi jabatan dan tidak menjalankan tugas yang melibatkan maklumat terperingkat;
- (ix) Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelajar menandatangani perakuan berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972; dan
- (x) Tempoh latihan amali/praktikal adalah mengikut tempoh yang ditetapkan oleh IPT pelajar. Walau bagaimanapun, pembayaran elaun adalah dihadkan kepada maksimum 90 hari sahaja.

### 3.3 Pembayaran Elaun Pelajar

- (i) Ketua Jabatan perlu memastikan perbelanjaan bagi tugas ini menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian/Jabatan /Agensi Kerajaan yang terlibat;
- (ii) Kadar pembayaran elaun adalah sebanyak RM5.00 sejam atau tertakluk kepada kemampuan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan terhadap kepada maksimum 90 hari sahaja dengan syarat latihan amali/praktikal/industri tersebut adalah merupakan salah satu syarat untuk pelajar menamatkan pengajian dengan jayanya;
- (iii) Pelajar tidak layak dibayar elaun lebih masa;
- (iv) Pelajar akan menerima bayaran elaun mengikut hari bekerja sahaja dan tidak termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am; dan
- (v) **Elaun ini membatalkan Elaun Latihan Amali yang diterima oleh pelajar tajaan Kerajaan.**

4. Tarikh kuat kuasa pembayaran bermula pada **1 Januari 2021.**

JPAN : 700-4/1 Jld.6( 28 )

---

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

Sekian dan harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATUK (DATU) ROSMADI DATU SULAI )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri

s.k.: Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Level 8,9,10 dan 11, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

DDRDS/mjz141220

**“SABAH MAJU JAYA”**